

# KERATAN AKHBAR

NAMA : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH: 28 DISEMBER 2017 M/S: 3

## Demam denggi meningkat 35 kes

**KUALA LUMPUR 27 Dis.** - Kes demam denggi bagi tempoh 10 hingga 16 Disember menunjukkan peningkatan sebanyak 35 kes berbanding minggu sebelumnya, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, sebanyak 985 kes demam denggi direkodkan bagi tempoh tersebut.

Katanya, terdapat sembilan negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu

sebelumnya iaitu Pulau Pinang, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak, Melaka dan Perlis.

Bagaimanapun katanya, jumlah kumulatif kes demam denggi yang direkodkan dari Januari hingga 16 Disember tahun ini berkurangan sebanyak 16,648 kes kepada 81,790 berbanding 98,438 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas.

“Terdapat satu kematian

yang dilaporkan bagi tempoh 10 hingga 16 Disember dan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian denggi di Malaysia dari Januari hingga 16 Disember adalah sebanyak 170 berbanding 230 pada 2016 iaitu pengurangan sebanyak 60 kematian,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, tiada kes chikungunya direkodkan pada minggu tersebut menjadikan jumlah kumu-

latif kes dari 1 Jan sehingga 16 Dis kekal sebanyak 269 kes.

Beliau berkata, setakat 16 Disember tahun ini, pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan dan Institut Penyelidikan Perubatan mendapati keputusan ujian bagi 2,199 sampel darah dan 33 sampel air kencing dalam kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus berkenaan adalah negatif.

- BERNAMA

### Statistik kes demam denggi 10-16 Disember

Meningkat  
**35**  
kes

**1**  
kematian

**985**  
kes  
direkodkan

**9**  
negeri  
catat  
peningkatan

- > Pulau Pinang
- > Johor
- > Perak
- > Negeri Sembilan
- > Pahang
- > Sarawak
- > Melaka
- > Perlis
- > Kuala Lumpur/Putrajaya

### Statistik kes demam denggi Januari - 16 Disember

Jumlah  
kumulatif  
**81,790**  
kes

Turun berbanding  
98,438 kes  
tempoh sama  
tahun lalu

Kumulatif  
kematian  
**170**  
kes

Turun  
berbanding 230  
kes tempoh  
sama tahun lalu

